



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556
Faks : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
Portal : www.kpkt.gov.my
E-mel : pro@kpkt.gov.my
Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42
(104)

Tarikh : 13 Februari 2014

SIARAN AKHBAR

PERUNTUKAN RM300 JUTA MY HOME

BERMULA 1 APRIL 2014

PUTRAJAYA, 13 Februari - Mesyuarat Perumahan Negara (MPN) yang pertama kali diadakan dan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah memutuskan untuk menawarkan bantuan kewangan sehingga maksimum RM30,000 kepada isi rumah berpendapatan RM3,000 sebulan dan ke bawah untuk membeli rumah kos rendah dan merupakan rumah pertama.

MPN yang ditubuhkan melalui pengumuman bajet 2014, merupakan badan tertinggi di peringkat persekutuan yang bertanggungjawab dalam menentukan hala tuju pembangunan sektor perumahan negara.

Fungsi utama MPN ini adalah untuk memberi nasihat kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri mengenai sebarang perkara berhubung sector perumahan, di samping bekerjasama dan berunding mengenai perkara berhubung sector perumahan. MPN juga berperanan merangka strategi dan pelan tindakan bagi menambah baik system penyediaan perumahan.

Di bawah Skim MyHome melalui dana RM300 juta ini kerajaan akan membantu mereka yang layak membeli rumah pada harga rumah kos rendah dan skim ini akan mula berkuat kuasa mulai 1 April 2014. Individu yang layak, perlu memohon dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang akan memutuskan kelayakan mereka. Bantuan

keuangan tersebut akan terus disalurkan kedalam akaun HBA Pemaju (Housing Development Account).

Rumah ini juga akan dikenakan sekatan moratorium, iaitu tidak boleh dijual dalam tempoh 10 tahun. Tafsiran kos rendah ini pula akan mengikut tafsiran dari negeri kerana ianya adalah berbeza mengikut negeri-negeri.

Bagi pemaju yang berminat dengan skim ini juga, perlu memohon kepada Jawatankuasa di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan permohonan akan dipertimbangkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

Mesyuarat juga memutuskan untuk membangunkan satu pangkalan data yang dikenali sebagai *RumahKu Exchange* di mana kerajaan boleh mengumpul semua maklumat mengenai perumahan dan berkongsi maklumat ini dengan pembeli rumah, pemaju dan agensi kerajaan yang berkaitan.

-**-

-Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat sembilan 9) Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Jabatan Landskap Landskap Negara, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, Institut Latihan Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : pro@kpkt.gov.my